

MUDA

**SIDANG
MUDA**

BUDI TARA SERTA

MUDA

IKATAN DEMOKRATIK MALAYSIA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2025
& PEMILIHAN PARTI MUDA 2026/29

**SIDANG
MUDA**

BUDI TARA SERTA

2020 Penubuhan MUDA

Bertitik tolak daripada kemenangan Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum 2018 dan disintegrasi kerjasama antara parti komponen akibat Langkah Sheraton pada Februari 2020, MUDA diilhamkan sebagai gerakan politik yang bertekad melampaui pergelutan personaliti pemimpin, sebaliknya berteraskan kepada gerakan politik pro-rakyat yang inklusif.

Pada pagi 17 September 2020, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, bersama 12 individu penaja yang lain, hadir ke pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM, ROS) untuk menyerahkan borang permohonan bagi mendaftarkan Ikatan Demokratik Malaysia atau Malaysian United Democratic Alliance (MUDA) sebagai sebuah parti politik.

2021 Pengiktirafan Rasmi

Sejak dari perhimpunan tersebut, MUDA berkembang sebagai gerakan politik yang merentasi Malaysia, dari Sabah ke Pulau Pinang, Kedah hingga ke Johor, dengan keahlian penyokong yang kini menjangkau sekitar 40,000 dan terus bertambah setiap hari.

Pada 23 Disember 2021, MUDA secara rasmi diluluskan sebagai sebuah parti politik oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, sekaligus menandakan permulaan fasa baharu perjuangannya dalam kancah politik negara.

2023 PRN dan Rejuvenasi

Setelah Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023, pada 10 November 2023, YB Amira Aisya dilantik sebagai Pemangku Presiden MUDA. Agenda utama MUDA kini adalah untuk mengembalikan peranannya sebagai kuasa ketiga dalam arena politik Malaysia, seiring dengan visi perjuangannya pada 2021.

2024 Fasa Rejuvenasi

Dalam fasa rejuvenasi pada tahun 2024, YB Amira Aisya bersama pimpinan pusat & negeri telah melakukan perubahan struktur kepimpinan serta memastikan governance yang lebih mantap dalam parti. Ini termasuklah pelancaran portal keahlian yang baharu, pengenalan Sekolah Politik untuk ahli-ahli berkaitan demokrasi sosial – yang kini menjadi ideologi rasmi MUDA.



Demokrasi Sosial MUDA

Asas perjuangan demi keadilan dan kemakmuran sosial

Kebebasan (Freedom)

MUDA memperjuangkan kebebasan yang lebih luas, melangkaui kebebasan politik dan undang-undang. Kebebasan yang sebenar bermakna kebebasan daripada kemiskinan, dan akses kepada pendidikan berkualiti, kesihatan, serta peluang ekonomi yang setara.

Ini adalah asas kepada demokrasi sosial yang diperjuangkan oleh MUDA, di mana kebebasan tidak hanya terhad kepada kebebasan individu, tetapi turut merangkumi kebebasan untuk memperbaiki kehidupan melalui akses kepada kemudahan asas dan sokongan sosial.

Keadilan (Justice)

MUDA berjuang untuk keadilan sosial berdasarkan prinsip peluang saksama (equal opportunity). Setiap individu, tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa, atau kelas sosial, berhak mendapat peluang yang sama untuk berjaya dan hidup dengan bermaruah.

Dalam contoh seperti Finland, pendidikan percuma berkualiti diberikan kepada semua, membantu mengurangkan jurang ketidaksamaan sosial dan ekonomi. MUDA mahu memecahkan dominasi politik lapuk yang berasaskan perkauman dan eksploitasi agama bagi memastikan rakyat mendapat peluang yang adil untuk maju.

Solidariti (Solidarity)

Solidariti adalah asas penting dalam demokrasi sosial yang diperjuangkan oleh MUDA. Solidariti ini merangkumi hubungan erat antara rakyat, serta antara kerajaan dan rakyat, di mana golongan yang lebih kuat membantu yang lemah dan yang kaya menyokong yang miskin.

Melalui sistem percubaan progresif dan perlindungan sosial seperti insurans pekerjaan, pencen, serta penjagaan kesihatan, MUDA komited untuk mengurangkan jurang kaya-miskin di Malaysia, memastikan masyarakat yang lebih harmoni dan adil.

Nilai Teras MUDA

Prinsip panduan dalam setiap tindakan dan keputusan

Inklusif

Membangun demokrasi inklusif di mana setiap rakyat diberi ruang untuk bersuara dan terlibat dalam proses pembuatan keputusan.

Keadilan Sosial

Memastikan setiap individu mendapat peluang yang sama untuk berjaya dan hidup dengan bermaruah, tanpa mengira latar belakang.

Progresif

Menggalakkan pendekatan progresif yang menekankan keperluan untuk menghapuskan politik perkauman dan eksploitasi agama.

Reformasi

Komited untuk membawa reformasi yang akan memperkukuh institusi demokrasi dan memastikan kebajikan sosial untuk semua.

Kesaksamaan

Memastikan peluang yang saksama dalam semua aspek kehidupan, termasuk pendidikan, ekonomi, dan akses kepada kemudahan asas.

Bahawasanya Ikatan Demokratik Malaysia - MUDA mendukung dengan sepenuh hati dan jiwa sebagai sebuah parti nasional berikar akan:

- Mendukung semangat cita-cita PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN demi kemakmuran masyarakat dan negara;
- Memperjuangkan lima prinsip yang ditekankan dalam RUKUN NEGARA untuk ibu pertiwi yang adil dan saksama;
- Mengangkat citra DEMOKRASI SOSIAL dengan memastikan semua rakyat Malaysia merentas agama, kaum, warna kulit, gender, kelas ekonomi dan usia dapat berjaya dan hidup bermaruah.

Maka kami, ahli-ahli Ikatan Demokratik Malaysia - MUDA yakin dan percaya, taat dan setia untuk mengangkat perjuangan MUDA dengan:

- Membudayakan kerukunan PERWAKILAN DEMOKRATIK dengan memastikan setiap suara rakyat didengar dan diwakili secara adil dalam sistem demokrasi negara;
- Memperjuangkan konsep KEADILAN EKONOMI untuk kesejahteraan rakyat terutamanya untuk mereka yang susah, lapar dan sakit; Mengangkat idea POLITIK BARU yang mengutamakan nilai, khidmat dan dasar berbanding politik wang, kuasa dan prejudis;
- Mempertahankan MARTABAT MANUSIA dengan melindungi maruah rakyat dari sebarang bentuk diskriminasi dan penindasan terhadap masyarakat;
- Menjadi PARTI UNTUK SEMUA RAKYAT MALAYSIA sebagai satu landasan tunggal untuk negara.

Janji Kami sebagai rakyat Malaysia:

- Akan terus memperjuangkan reformasi institusi, dasar yang adil dan politik yang berintegriti supaya setiap rakyat Malaysia mempunyai peluang yang saksama untuk hidup dengan bermaruah dalam sebuah negara yang inklusif, progresif dan saksama

**BUDI
TARA
SERTA**

SIDANG MUDA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2025 & PEMILIHAN PARTI MUDA 2026-29

Selamat datang ke **Sidang MUDA** yang berlangsung di **Bangunan Peladang, Petaling Jaya** pada **14hb Mac 2026**. Mesyuarat Agung Tahunan kali ini berlangsung serentak dengan **Pemilihan Parti MUDA** kali pertama. Agenda dan Aturcara majlis adalah disenaraikan di bawah:

- 9:00 am : Ketibaan Jemputan Khas (Pemerhati)
- 9:30 am : Jemputan & Barisan Kepimpinan Masuk ke Dewan
- 9:35 am : Bacaan Doa & Nyanyian Negaraku
- 9:40 am : Ikrar MUDA
- 9:50 am : Ucapan aluan Pengerusi Sidang MUDA, Saudari Ainie Haziqah
- 10:00 am : Ucapan Dasar Pemangku Presiden MUDA, YB Amira Aisya
: Perasmian SIDANG MUDA
- 11:10 am : Penyampaian Cenderahati kepada Jemputan Khas
- 11:20 am : Sesi Bergambar dan Sidang Media
- 11:50 am : Jemputan Khas melawat We Are Young Fest
- 12.30 pm : Pembentangan Laporan Tahunan oleh Setiausaha Agung
: Pembentangan Kewangan oleh Bendahari Agung
- 2.30 pm : Perbahasan Ucapan Dasar Presiden oleh Wakil 8 Negeri
(Pahang, Melaka, Selangor, Johor, Wilayah, Negeri Sembilan, Kelantan & Pulau Pinang)
- 3.40 pm : Penggulungan Naib-Naib Presiden
: Penggulungan Presiden
- 4.45 pm : Keputusan Undian Pemilihan JKEP
- 5.15 pm : Mesyuarat 25 Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pusat 2026/29
- 6.30 pm : Sesi Bergambar dan Sidang Media
- 7.30 pm : Majlis Berbuka & Bersurai

Waktu mengundi bagi setiap Perwakilan akan bermula pada **11.30am hingga 2.00pm**. Seramai 31 Calon bertanding bagi merebut Jawatankuasa Eksekutif Pusat bagi penggal 2026/2029. Senarai Calon adalah seperti berikut:



Senarai Calon JKEP (2026/29)

01

DR. SIVA



02

CHEW CHUAN YANG,
DOBBY



03

RASID ABU BAKAR



04

SANGARAN A/L
RAWISANDIRAN



05

KATHIRVELLOO A/L
NEELAMEGAM



06

SAYYIDA IZZATI NUR @
CHEDA



07

FOO TUN XIANG



08

YOSH WONG



Senarai Calon JKEP (2026/29)

09**HASYA 'AQILAH BINTI
AHMAD TAJUDDIN****10****ZARUL AFIQ****11****MUHAMMAD AMIR
FIQRI****12****GEETHANANTHINI****13****ANDRE TEOW****14****RAHMAT AMRAN****15****DANIEL LIM****16****DANIAL ABDUL
MAJEED**

Senarai Calon JKEP (2026/29)

17**NURAZAM BIN AZIZ****18****VKK RAJA****19****FAEZRAH WAHIDAH
BINTI RIZALMAN****20****ADOM TEH KAI YANG****21****SYAHMIE FAYYADH BIN
JAAFAR****22****RASHIFA ALJUNIED****23****TEH POO WEN****24****SHAH FARIQ AIZAL BIN
SHA GHAZNI**

Senarai Calon JKEP (2026/29)

25

EMIR SYAZWAN



26

AMIRA AISYA BINTI ABD
AZIZ



27

AINIE HAZIQAH



28

ZAIDEL BAHARUDDIN



29

LEBEN SIDDARTH



30

SIRANJEEV RAM A/L S
SANJEEVIRAMAH



31

MUHAMMAD YUSRI
AIDID BIN MALIK



PILIH 25 **CALON'** UNTUK PIMPIN **MUDA!**

MUDA